

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH

SOALAN : NO. 88

Datuk Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan mengapakah jadual pengajian yang berbeza antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) umpamanya antara Universiti Islam Malaysia (UIA) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memberi tanggungjawab kepada Universiti Awam (UA) masing-masing untuk menyediakan jadual pengajian. KPT tidak menyelaraskan jadual pengajian di antara UA kerana jadual pengajian adalah di bawah bidang kuasa dan kelulusan Senat Universiti masing-masing. Langkah ini diambil supaya pihak universiti dapat menyediakan jadual pengajian yang lebih fleksibel dan efektif berdasarkan kapasiti masing-masing jika dibandingkan dengan jadual pengajian yang seragam.